

BULETIN KPKT

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BIL 2/2014



TAPAK PELUPUSAN TERPAKSA BEROPERASI MELEBIHI KAPASITI



*ELIMINATING DUMP
SITES A PRIORITY*

Muka surat 4



CPD 1AZAM BANDAR

Muka surat 12

ISSN 1394-0538



9 771394 053002

SIDANG REDAKSI

Penasihat

YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Ketua Editor

Jessylina Mat Lazim
Ketua Unit Komunikasi Korporat

Penolong Ketua Editor

Rosyila Abdul Latif
Pegawai Perhubungan Awam

Noraidah Mohd Noor
Penolong Pegawai Perhubungan Awam

Sidang Pengarang

Jabatan Perumahan Negara
Jabatan Kerajaan Tempatan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Jabatan Landskap Negara
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Tribunal Perumahan & Pengurusan Strata
Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan
dan Kerajaan Tempatan
Bahagian Kesejahteraan Bandar
Bahagian Undang-Undang
Bahagian Dasar & Inspektorat
Bahagian Kewangan dan Perolehan
Bahagian Akaun
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
Bahagian Sumber Manusia
Bahagian Teknologi Maklumat
Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
Unit Audit Dalam
Unit KPI
Unit Integriti

Fotografi

Ahmad Marzuki Othman

Penerbit

Unit Komunikasi Korporat

Editor Buletin KPKT amat menghargai sumbangan artikel daripada
warga KPKT. Artikel berkenaan hendaklah dikemukakan kepada:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Aras 2, No. 51 Persiaran Perdana,

Presint 4, 62100 Putrajaya

Tel : (603) 8891 5556

Faks : (603) 8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my

Portal : www.kpkt.gov.my

Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov

Tinta Pena



Sidang Redaksi

Assalamualaikum, salam sejahtera dan salam kegemilangan kepada para pembaca khususnya kepada warga KPKT.

Terlebih dahulu, sidang redaksi ingin merakamkan ucapan tahniah dan mengalu-alukan kedatangan YBhg. Dato' Azizan Mohamad Sidin selaku Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPKT menggantikan YBhg. Datuk Noriah Hashim yang telah bersara wajib pada 12 Jun 2014. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Datuk Noriah Hashim yang telah menyumbang bakti selama 8 tahun di KPKT dan lebih 36 tahun dalam perkhidmatan awam.

Buletin KPKT kali ini memuatkan pelbagai program dan aktiviti Kementerian sepanjang bulan Mei hingga September 2014 yang mana dalam tempoh tersebut rakyat Malaysia meraikan beberapa peristiwa penting antaranya Sambutan Hari Pekerja, Hari Raya Aidilfitri, Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia.

Dalam tempoh yang tersebut juga, rakyat Malaysia melalui peristiwa duka pada 17 Julai 2014 apabila satu dunia digemparkan dengan berita nahas pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH 17. Di kesempatan ini, sidang redaksi mewakili semua warga KPKT mengucapkan takziah kepada keluarga dan waris penumpang dan anak kapal MH 17 dan semoga tabah menghadapi situasi ini.

Malaysia meraikan Hari Kemerdekaan Ke-57 pada tahun ini dengan tema 'Malaysia... Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta'. Pemilihan tema ini diharapkan dapat menyemai dan menyemarakkan semangat cintakan negara dalam jiwa rakyat. Sambutan Hari Kemerdekaan ke-57 telah berlangsung secara sederhana namun tetap meriah sambil memperingati mangsa nahas MH 370 dan MH 17.

YAB Perdana Menteri telah menyampaikan Amanat Merdeka yang menekankan tiga (3) amanat utama iaitu mengukuhkan solidariti rakyat Malaysia dalam menghadapi pahit getir cabaran, berdepan dengan dugaan, termasuk kebersatuan dalam kesedihan; memupuk keyakinan bahawa kita mampu mencapai apa jua cita-cita sebagai sebuah negara bangsa jika wujudnya kebersatuan; dan mewariskan sebuah Malaysia yang makmur lagi sejahtera.

Sehubungan dengan itu, kita selaku penyambung warisan haruslah berganding bahu untuk mentadbir urus negara ini dengan penuh berhemat, berhemah dan berintegriti bagi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara yang kita kasihi ini.

Sidang Redaksi

Buletin KPKT Bil 2/2014

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

PERMOHONAN MAAF

Sidang redaksi memohon maaf kepada semua pembaca atas kesilapan cetakan gambar dalam Buletin KPKT Bil. 1/2014, muka surat 23 bertajuk "PERBARISAN TAHUNAN 2014". Gambar yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:





TAPAK PELUPUSAN SANITARI JERAM: TERIMA 2600 TAN SAMPAH SEHARI

Pada 19 Ogos 2014, YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan lawatan kerja ke Tapak Pelupusan Sanitari Jeram, Selangor yang dioperasikan oleh *Worldwide Landfill Sdn Bhd* bermula pada 1 Januari 2007. Tapak ini menerima sisa daripada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ); Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ); Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA); dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang dihantar melalui Stesen Pemindahan Shah Alam, serta sisa pepejal dari Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS); dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Menurut operatornya, *Worldwide Landfills Sdn. Bhd.* tapak yang berkeluasan 160 ekar ini dibangunkan dengan kapasiti 1250 tan sehari dan dijangka mencapai kapasiti maksima 8 juta tan sisa pepejal pada tahun 2023 nanti. Namun seiring dengan peningkatan penajaan sisa pepejal kini, tapak ini secara puratanya menerima 2600 tan sisa pepejal sehari iaitu melebihi kapasiti sepatutnya. Sehingga kini, jumlah sisa pepejal keseluruhan yang diterima adalah 5.8 juta tan dan tapak ini dijangka mencapai kapasiti maksima lebih awal iaitu penghujung 2016.

Memandangkan jangka hayat tapak ini yang akan ditutup awal, penambahan 100 ekar tanah sedang diusahakan yang mana akan dapat menambah kapasiti sebanyak 8 juta tan lagi dan dijangka mencapai kapasiti maksima pada tahun 2025.

Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Seksyen 21 Shah Alam merupakan kemudahan yang dibina dan dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, dan dioperasikan oleh *Worldwide Sdn. Bhd.* yang merupakan anak Syarikat Kerajaan Negeri. Stesen tersebut menerima sisa pepejal dari kawasan MPSJ, MBPJ, MBSA dan MPAJ sebelum dihantar ke tapak pelupusan ini. Dengan adanya Stesen Pemindahan tempoh penghantaran dari PBT tersebut dapat dipercepatkan berbanding penghantaran terus.

Malah Kemudahan Mendapatkan Semula Bahan Kitar Semula (*Material Recovery Facility-MRF*) di tapak tersebut merupakan inisiatif yang diambil oleh Kementerian, melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dengan memberi peluang kerjasama oleh syarikat-syarikat swasta dalam usaha meningkatkan kadar kitar semula. Kemudahan ini dilihat melengkapi pengurusan sisa pepejal yang bersepadu dimulakan dengan amalan mengasingkan sisa dari puncanya oleh masyarakat dan kemudian disokong oleh kemudahan-kemudahan sebegini di tapak-tapak pelupusan. Kemudahan tersebut merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia yang melibatkan kerjasama JPSPN, Tetra Pak (Malaysia) Sdn. Bhd. dan *Worldwide Landfills Sdn. Bhd.*

“

Walaupun Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) tidak dikuatkuasakan di Negeri Selangor, tetapi Kerajaan Persekutuan turut memberikan perhatian berkaitan pengurusan sisa di negeri ini, kerana kita harus maklum isu sisa pepejal merupakan isu nasional yang mempunyai hubungan dengan pelbagai isu lain seperti isu denggi yang amat merisaukan kita semua kini. Selain itu, masalah pengurusan sisa pepejal turut dikenal pasti sebagai penyumbang kepada pembiakan nyamuk aedes.

- YB Datuk Abdul Rahman Dahlan-

”

Kemudahan yang beroperasi sejak November 2012 ini berkapasiti untuk memproses sebanyak 50 tan sehari. Mengikut rekod sebanyak 10 peratus sisa yang dihantar ke tapak pelupusan ini dapat dikitar semula dengan pecahan komposisi seperti yang berikut:

- Beg plastik : 41%
- Botol plastik : 10%
- Plastik HDPE : 11%
- Kertas : 22%
- Tin Aluminium : 2%
- Kotak Minuman : 3%



ELIMINATING DUMP SITES A PRIORITY

(This article has been published in New Straits Times on July 6, 2014)

THE Urban Wellbeing, Housing and Local Government Ministry is encouraging construction companies in Kuala Lumpur to dispose of construction waste at a processing plant in Sungai Kertas, Gombak to prevent illegal dumping in landfills, which could be dengue-breeding grounds.

“Our efforts to combat the dengue threat have been focused on managing domestic waste. But now, as the construction industry is getting bigger with development, it is timely to focus on illegally-dumped construction waste, which also creates breeding grounds for mosquitoes,” its minister, YB Datuk Abdul Rahman Dahlan said.

He said addressing the problem was important as more construction waste would be generated by mega projects in the Klang Valley, such as the construction of the Mass Rapid Transit, Menara Warisan, PRIMA Sungai Besi and Tun Razak Exchange projects, as well as the demolition of the Pekeliling flats.

Studies conducted by the Solid Waste and Public Cleansing Corporation showed that construction waste was expected to increase to 1.34 million metric tonnes annually by 2020.

The first of its kind in the country, the Sungai Kertas facility can process 300 to 500 tonnes of construction waste. Operated by Worldwide Landfill Sdn Bhd, the facility is expected to receive 10,800 tonnes of construction discards this year.

“The plant was built two years ago but started operations earnestly late last year to address the issue of illegal dumping,” Datuk Abdul Rahman said.

He said legislation to control the disposal of construction waste was being formulated. Once finalised and enforced, it would regulate the activities of all stakeholders involved and ensure better management of construction waste.

“But before we enforce laws to regulate the industry and make the disposal of construction waste at processing plants compulsory, we need to increase the capacity to process construction waste in the Klang Valley by building four to five more such plants in other locations here.”

Rahman said the National Solid Waste Management Department under the ministry regarded this matter seriously not only from a dengue eradication perspective, but also to avoid wastefulness as construction waste could be reused as basic materials for roads and buildings.

“In 300 hot spots where construction waste has been illegally discarded, we discovered that 80 per cent of them consisted of concrete, rock, wood, steel and other construction materials.”

According to 2005 figures from the Construction Industry Development Board, an estimated 627kg per capita of construction waste is generated annually.

Check Illegal Dumping

Question: How much is the government allocating for the new task force of ministries and stakeholders appointed to tackle the dengue problem?

Answer: Annually, the Urban Wellbeing, Housing and Local Government Ministry allocates a certain amount of funds to local authorities for the prevention and control of dengue; RM4.4 million in 2012, RM3.2 million last year and RM4 million this year. These allocations are for the procurement of pesticides and fogging equipment, as well as for rat control and health promotion activities.

Question: Abandoned or neglected and locked-up houses make up 30 per cent of places inspected for dengue in recent checks. How will the ministry manage these properties?

Answer: Abandoned or neglected individual homes are under the purview of the respective

local authorities. Local authorities are under state control, although the ministry can advise and provide guidelines, which can be enforced by the states concerned. My ministry has alerted local governments to conduct fogging activities and surveillance of neglected or abandoned and locked-up buildings for dengue threats and, if need be, enter these premises to eliminate dengue breeding grounds in the interest of public safety.

Question: Are allegations that local authorities are hiring unlicensed or inferior contractors to conduct fogging in housing areas, contributing to the ineffective control of the mosquito problem, true?

Answer: All pest control operators for fogging activities engaged by various local authorities are licensed under the Pesticides Act 1974. The efficiency of fogging activities is closely monitored by local authorities.

Question: What will be the ministry's role in the new task force put together by the government to tackle the dengue outbreak?

Answer: (My) ministry and the Health Ministry are in the process of detailing their roles.

Question: Lack of active and effective residents associations, and the inability to pay monthly maintenance fees in low-income areas have been pointed out as the reasons for unkempt and dirty housing areas being hot spots. What has the ministry done about this?

Answer: The ministry has been implementing community development programmes for the strata housing community to increase knowledge on the responsibility to settle maintenance fees and to maintain common property as per provision(s) under the Strata Titles Act 1985, and Building and Common Property (Maintenance and Management) Act 2007 for both the management and residents

through seminars. For this year, 10 seminars have been held. In addition, the ministry has also executed 'Program Penyelenggaraan Perumahan' (PPP) for the maintenance of public housing and 'Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia' (TP1M) for private housing. The programmes are designed to help residents of public and private strata housing to enjoy a better quality of life by maintaining and repairing their homes and common properties. For PPP, a total of 199 projects, worth RM128.1 million, were carried out from 2011 to this year, while for TP1M, 98 projects, worth RM45 million, have been carried out for this year.

Question: Critics have also said, based on random checks, that a high concentration of dengue cases stemmed from construction sites and 'kongsi'. What is being done in these areas?

Answer: The ministry is aware of this and every local authority has been advised to monitor construction sites and 'kongsi' to ensure there are no breeding sites there.

Question: Will the ministry conduct more outreach activities to educate residents in these areas and distribute larvicide to them during such exercises?

Answer: Health promotion activities, such as gotong-royong, health talks, exhibitions, and distribution of pamphlets and posters are carried out by local authorities on a regular basis. Last year, based on data from 109 local authorities, 3,252 gotong-royong campaigns were carried out, 1,940 exhibitions held and 651,446 pamphlets distributed. This year, to date, based on data from 80 local authorities, 1,107 gotong-royong campaigns have been conducted, 103 exhibitions held and 110,147 pamphlets disseminated. Communication for Behavioural Impact programmes, an approach introduced by the World Health Organisation to empower communities in preventing dengue

through behavioural change, are also organised by 34 local authorities at the community level in hot spot areas.

Question: Some municipal councils, like Subang Jaya, have suggested putting a stop to the usage of polystyrene by this month, and are encouraging hawkers and food operators to use alternatives. Is this something that is being considered by the ministry and, if so, how effective will it be?

Answer: While the ministry has never enforced such a policy to date, it encourages the efforts made by state governments in advocating the usage of environmentally friendly containers, such as (those of) degradable variants. In view of the indiscriminate dumping of rubbish, which causes health-related problems, namely dengue, the ministry is seriously enforcing the closure of illegal dumping sites. As of June 30, 851 illegal dumping sites have been identified and shut down. (The ministry is) also targeting to diminish each and every one of them by the end of the year.

Question: There is new danger to citizens in the form of more cases of Japanese Encephalitis (JE), which is spread by the Culex mosquito. There have been 16 cases and four deaths this year. Will local councils be monitoring areas near pig farms and other hot spots for the mosquito, and has the ministry issued guidelines on how to tackle the new threat?

Answer: All matters related to pig farming are monitored by the Veterinary Department, while the Health Ministry is the authority in monitoring JE cases. Pig farms are not licensed by local authorities and are not allowed to operate within the local authorities' operational areas. The ministry had issued a circular on the 'Containment of Japanese Encephalitis (JE) Outbreaks' on Jan 29, 1999, which outlines the prevention and control of JE in local authorities' (operational areas).



PUSAT KECEMERLANGAN KESEJAHTERAAN BANDAR ATASI PERMASALAHAN BANDAR

KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) telah melancarkan Pusat Kecemerlangan Kesejahteraan Bandar (*Centre of Excellence for Urban Wellbeing and Happiness, COE*) pada 12 Jun 2014 bertempat di Kuala Lumpur Sentral. Majlis telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan diiringi oleh YBhg. Dr. Dahlia Rosly, Ketua Pengarah JPBD.

Pusat kecemerlangan ini dilancarkan bertujuan untuk menangani isu-isu berkaitan permasalahan bandar seperti jenayah; peningkatan kos sara hidup; penularan penyakit berjangkit; kesukaran memiliki rumah; banjir kilat; kesesakan lalu-lintas; kewujudan golongan gelandangan; dan catuan bekalan air.

COE juga akan menjadi pusat yang akan mendekati rakyat di bandar secara tidak formal tanpa birokrasi untuk memahami dan mendapatkan maklumat mengenai kesukaran dan keperluan penduduk bandar. Perancangan secara inklusif mengenai pandangan mereka akan turut diambil kira dan secara langsung akan merapatkan jurang komunikasi penduduk bandar dan Kerajaan Persekutuan yang semakin melebar sejak kebelakangan ini.

COE yang telah dilancarkan ini berperanan sebagai :

- Penyelesaian kreatif untuk isu-isu bandar;
- Think-tank* kepada pembuat dasar dan pentadbir bandar;
- One-stop Urban Information Bank* yang menjana data dan berkongsi maklumat;
- Perantara Kerajaan dan orang awam; dan
- Inovasi ke arah kesejahteraan bandar

Tiga (3) fungsi utama pusat kecemerlangan ini adalah seperti yang berikut:

- Penyelidikan: Pusat ini akan menghasilkan penemuan berasaskan bukti yang asli untuk menyokong penyelesaian berinovatif, pengubalan dasar dan pembuat keputusan untuk meningkatkan kualiti kehidupan di bandar;
- Capacity Building*: Menyediakan peluang latihan, penukaran penyelidik dan *international attachment* akan diberi kepada penyelidik, *fellows*, pengurus dan pemimpin bandar. Tujuan ini ialah untuk meningkatkan lagi pengetahuan, keupayaan dan *profesionalisme* sumber manusia COE dan pentadbir bandar, and seterusnya menyumbang kepada kemajuan COE dan penduduk serta komuniti;
- Mempromosi ilmu pengetahuan: COE akan menyebarkan luas hasil penyelidikan dan inovasinya melalui penerbitan, program wacana ilmu, khidmat perundingan dan sebagainya. Ini akan dilakukan kepada golongan sasaran dan pihak berkepentingan yang terlibat dalam aspek kesejahteraan bandar;



Tindakan pro aktif ini diharap dapat menangani dan mencari jalan penyelesaian terhadap masalah bandar dan melahirkan komuniti bandar yang berdaya saing, cemerlang dan sejahtera.

Bersempena dengan pelancaran COE, pelbagai acara telah dijalankan antaranya Pertandingan *Make an Urban Wish Tag*; Pameran *Urban Library Community Garden*; *Urban Games Corner*; dan *Social Impact Assessment Corner*. Melalui pertandingan dan pameran yang dijalankan, orang ramai khususnya penduduk bandar dapat melibatkan diri dan memberikan pandangan secara langsung.



PERSIDANGAN ANTARABANGSA KESEJAHTERAAN BANDAR DAN KEBAHAGIAAN 2014

Persidangan Antarabangsa Kesejahteraan Bandar dan Kebahagiaan 2014 (*International Conference on Urban Wellbeing and Happiness*) yang berlangsung pada 26 Jun 2014 bertempat di Hotel *Renaissance*, Kuala Lumpur telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Persidangan ini diadakan selaras dengan sambutan *United Nation International Day of Happiness* 2014.

Persidangan yang memberikan tumpuan kepada tiga (3) aspek utama dalam mewujudkan kebahagiaan dan kesejahteraan bandar iaitu sosial, fizikal dan alam sekitar telah dikupas oleh tujuh (7) orang pembentangan kertas kerja oleh pembentang seperti yang berikut:

Bil	Tajuk	Pembentang
1.	<i>Malaysia Wellbeing Index (MWI) 2012: Advanced Measuring for Quality of Life</i>	Mr. Azlan Abdul Rashid, Deputy Director of Macro Economics Sections EPU.
2.	<i>Beyond GDP: Happiness and Wellbeing of Communities Towards Sustainable Development</i>	Ms. Michelle Gyles - McDonnough, UN Resident Coordinator in Malaysia and UNDP Resident Representative for Malaysia, Singapore and Brunei.
3.	<i>Incorporating Social Urbanism in Planning for Urban Wellbeing and Happiness</i>	Dr. Dahlia Rosly, Director General, Federal Department of Town and Country Planning Peninsular Malaysia.
4.	<i>Youth Wellbeing and Happiness Towards Healthy Generation</i>	Associate Professor Dr. Shamala Subramaniam, Director of Sports Academy, Universiti Putra Malaysia and Senior Vice President for Malaysian Hockey Confederation
5.	<i>Ummah Development Index: Spirituality and Happiness</i>	Mr. Mohamad Hisyam, Felo Center of Economics and Social Studies, IKIM.
6.	<i>Malaysian Family Wellbeing Index: Toward Family Happiness</i>	Dr. Anjli Panalal Doshi, Deputy General Policy (LPPKN).
7.	<i>Work Life Balance Brings Happiness and Wellbeings of Communities</i>	Ms. Suriahni Abdul Hamid, Talent Corp Malaysia Berhad.

Persidangan Antarabangsa Kesejahteraan Bandar dan Kebahagiaan 2014 ini juga adalah platform perkongsiaan ilmu dan pengalaman antara jabatan-jabatan teknikal, agensi dan juga individu ke arah kesejahteraan bandar dan kebahagiaan dimana ianya:

- Memberi pendedahan kepada peserta tentang usaha-usaha yang telah dilakukan oleh jabatan, agensi atau individu ke arah mencapai kesejahteraan bandar dan kebahagiaan;
- Mempromosi inisiatif-inisiatif kesejahteraan bandar dan kebahagiaan yang telah dilaksanakan oleh pihak jabatan, agensi atau NGO;
- Mengenal pasti isu dan masalah perbandaran yang berpotensi menjejaskan kesejahteraan dan kebahagiaan bandar;
- Mengenal pasti kelemahan dan peluang-peluang untuk ditambahbaik sejahtera dan bahagia.

Objektif persidangan ini disasarkan kepada empat (4) kumpulan sasar seperti yang berikut:

Orang awam	sebagai kumpulan komuniti yang akan menerima faedah daripada sebagai kumpulan komuniti yang akan menerima faedah daripada sebagai penyumbang utama dalam memastikan halatuju perancangan dan pembangunan negara
Organisasi dan NGO	sebagai penjana ekonomi negara yang juga menentukan arah tuju pembangunan negara
Agensi Kerajaan	sebagai agensi-agensi sokongan yang akan terus mendokong bersama hasil dan produk jabatan
Pelajar	sebagai kumpulan atau generasi yang akan mewarisi dan menentukan kesejahteraan bandar pada masa kini dan akan datang

Persidangan ini telah dihadiri seramai 250 orang yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) Ibu Pejabat; JPBD Negeri; Pejabat Projek; pihak berkuasa tempatan (PBT); jabatan dan bahagian di bawah KPKT; agensi Kerajaan yang berkaitan dengan perancangan; Jabatan Tanah dan Survei Sarawak; Badan Profesional; Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO); Lembaga Kemajuan; Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta; Institusi Penyelidikan dan Latihan dan Koridor Pembangunan.

PERATUSAN MERASA SELAMAT PENDUDUK KAWASAN BLACK SPOT MENINGKAT 6%

Outcome ini adalah bukti kerjasama perkongsian pintar (*smart partnership*) antara agensi yang telah memberikan impak di luar jangkaan dalam tempoh yang singkat. Melihat kepada kejayaan ini, KPKT telah memutuskan inisiatif ini diteruskan kepada 44 kawasan *black spot* yang baru yang melibatkan 39 pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi 2014. Sebelum ini, pada tahun 2013, sebanyak 20 kawasan telah dikenalpasti sebagai kawasan *black spot* yang melibatkan 17 buah PBT seluruh negara.

Pelan Pemutihan *Black Spot* dari 39 PBT ini melibatkan kerja-kerja penguatkuasaan (struktur bangunan dan gerai haram); penyelenggaraan; dan gotong-royong. Ini melibatkan kerjasama dari

Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dengan penubuhan *Cure & Care Centre*; Polis Diraja Malaysia (PDRM); Jabatan Imigresen Malaysia; PBT; Rukun Tetangga; Persatuan Penduduk; dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Bagi tahun 2015, inisiatif ini mensasarkan 50 lagi kawasan *black spot* yang baharu dengan peruntukan yang dibiayai oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku peneraju NKRA Mengurangkan Jenayah. KPKT mencadangkan agensi yang terlibat dalam pelaksanaan ini diberi peruntukan khas.

Bagi menangani kejadian jenayah di peringkat awal, KPKT menekan penerapan prinsip-prinsip Reka Bentuk Bandar Selamat atau *Crime Prevention through Environmental Design* (CPTED). Konsep ini masih baru di Malaysia dan KPKT sedang giat memperhebatkan usaha-usaha bagi memastikan CPTED diaplikasikan dalam permohonan pemajuan. Kawasan *black spot* di bawah Program Bandar Selamat (PBS) adalah merujuk kepada satu kawasan yang memberikan persepsi takut menjadi mangsa jenayah (*fear of becoming victim of crime*) walaupun

kawasan itu tidak mempunyai kadar jenayah yang tinggi. Program ini menumpukan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan persepsi rasa selamat di kalangan masyarakat awam di kawasan *black spot* ini. PBS kini telah berada dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0 (2013-2015) dan selaras dengan hala tuju NKRA Mengurangkan Jenayah GTP 2.0.

“Peratusan merasa selamat penduduk kawasan *black spot* telah berjaya ditingkatkan kepada 61 peratus berbanding sasaran 55 peratus oleh GTP 2.0 bagi 2013. Malahan kes pecah rumah juga telah menurun sehingga 51 peratus berbanding 5 peratus yang disasarkan oleh GTP 2.0 bagi tahun 2013

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan
Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program
Bandar Selamat ke-9
16 Jun 2014



PBT NEGERI SEMBILAN TERIMA RM16.8 JUTA UNTUK LAKSANA 67 PROJEK PEMBANGUNAN

Pada 16 Mei 2014, YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Dewan Orang Ramai Taman Perwira, Seremban, Negeri Sembilan.

Dewan Orang Ramai Taman Perwira telah dibina pada 25 Jun 2012 dan siap pada 25 Oktober 2013 dengan kos keseluruhan sebanyak RM1,830,373.95. Peruntukan ini adalah dari Kerajaan Persekutuan dan PBT.

Dewan ini merangkumi empat (4) buah gelanggang badminton, pentas, pejabat, bilik mesyuarat, tempat meletak kenderaan, tandas lelaki, wanita dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

YB Menteri juga menyempurnakan majlis penyerahan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) dan Pemberian Geran Tahunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Sembilan.

Bagi tahun 2014, sebanyak RM16,863,078.00 telah diperuntukkan oleh KPKT untuk 67 projek pembangunan yang merangkumi projek

kemudahan awam, prasarana dan sosio-ekonomi dirancang untuk dilaksanakan di Negeri Sembilan.

PBT Negeri Sembilan menerima Geran Tahunan sebanyak RM13,943,149.00 dan SMK sebanyak RM4,877,938.00 bagi tahun 2014. Jangkaan ini berdasarkan pengalaman pada tahun 2013, yang mana sebanyak 217 projek pembangunan telah berjaya dilaksanakan, walaupun bilangan projek yang dirancang pada asalnya untuk tahun berkenaan hanyalah sebanyak 47 projek.

Dalam majlis yang sama, YB Menteri turut menyampaikan bantuan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) bagi Daerah Seremban dalam Program Turun Padang YBM KPKT bersama PBT Negeri Sembilan. Bagi Program Kemajuan Perkampungan pula sebanyak RM69,810,00.00 telah diperuntukkan bagi projek menaiktaraf longkang, dewan dan gelanggang di kawasan Kampung Baru.

Majlis ini diserikan dengan kehadiran YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan Menteri



Besar Negeri Sembilan Darul Khusus; YBhg. Dato' Halimi Abdul Manaf, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) KPKT; YBhg. Dato' Dr. Haji Awaludin Said, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri; YBhg. Dato' Haji Jalaludin Haji Alias, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YBhg. Dato' Haji Mat Ali Hassan, Setiausaha Kerajaan Negeri; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri; dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan dan pegawai

SUMBANGAN MEMBANTU KADAR
Pemberian bertujuan untuk menggantikan cukai taksiran yang dikenakan ke atas bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan yang terletak dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

PELAN TRANSFORMASI PBT AKAN DILAKSANAKAN

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan memaklumkan bahawa KPKT akan melaksanakan Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khususnya bagi majlis daerah untuk melaksanakan penyampaian perkhidmatan melalui pendekatan baharu berasaskan idea, sistem dan prosedur yang lebih dinamik.

Menurut beliau, menerusi pelan ini, orang awam akan berpeluang untuk bersama-sama menyumbang idea dan pandangan dalam proses membuat keputusan dan pelaksanaan bagi projek pembangunan di kawasan PBT. Pelan transformasi PBT ini juga dijangka meningkatkan penyertaan rakyat daripada kumpulan masyarakat termasuk Badan Bukan Kerajaan (NGO), golongan profesional dan sebagainya untuk memberi pandangan terhadap rancangan pembangunan yang diperkenalkan oleh majlis.

PELAN TRANSFORMASI PBT INFO RINGKAS



Sumber :
Ucapan YB Datuk Abdul Rahman Dahlan
Program Pemanjatan Urustadbir dan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah Darul Aman 2014
26 Mei 2014

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan dalam menjawab soalan dari Senator Datuk Yunus Kurus pada 5 Mei 2014 mengenai langkah KPKT bagi membendung kegiatan pembelian rumah secara berkumpulan bagi meraih keuntungan atas angin, memaklumkan bahawa:

- Pemaju Perumahan perlu mendaftarkan nama pembeli untuk setiap jualan melebihi empat (4) unit rumah bermula 15 Mei 2014 ini bagi membendung pembelian hartanah secara pukal oleh Kumpulan Kelab Pelabur Hartanah;
- inisiatif lain ialah menetapkan syarat baharu penjualan secara pukal dalam permit iklan dan jualan pemajuan perumahan bagi projek baharu yang dilesenkan;
- Jabatan Perumahan Negara akan mewujudkan pangkalan data maklumat pembeli rumah bagi mengenal pasti bilangan rumah yang dimiliki oleh individu; dan
- Kerajaan telah mengambil pendekatan secara proaktif dan berterusan dengan memperkenalkan strategi bagi mengawal aktiviti kumpulan tersebut. Umpamanya nisbah pinjaman kepada nilai sebanyak 70 peratus ke atas individu yang memiliki lebih daripada dua (2) pinjaman perumahan pada 2010 oleh Bank Negara Malaysia.

Menurut beliau lagi, pendekatan ini dilihat berjaya melembapkan kenaikan harga rumah dan juga mengawal jangkaan jangka pendek dan aktiviti spekulasi. Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan agar tidak memberikan diskaun kepada mereka yang membeli rumah melebihi empat (4) unit.

Beliau turut menekankan bahawa dalam keadaan Negara sedang membangun, pelaburan dalam sektor hartanah walaupun dibenarkan seharusnya tidak menjadi keutamaan. Ini kerana jika terlalu ramai memasuki sektor pelaburan hartanah dengan hanya untuk spekulasi atau pelaburan, perkara ini akan meniadakan hak rakyat membeli rumah apabila dibeli secara pukal oleh kelab pelabur hartanah.




“

Ini kerana jika terlalu ramai memasuki sektor pelaburan hartanah dengan hanya untuk spekulasi atau pelaburan, perkara ini akan meniadakan hak rakyat membeli rumah apabila dibeli secara pukal oleh kelab pelabur hartanah

Datuk Abdul Rahman Dahlan

”



“

Kerajaan melalui KPKT telah memperkenalkan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) bagi membantu meringankan beban rakyat dalam menyelenggarakan semua rumah kos rendah dan rumah-rumah kos sederhana rendah yang dibina oleh pihak swasta yang sudah berusia 10 tahun ke atas

Datuk Halimah Mohamed Sadique

”

YB Datuk Halimah Mohamed Sadique dalam menjawab soalan Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] berhubung jenis bantuan yang diberikan dalam menangani masalah penyelenggaraan dan kerosakan lif di rumah pangsa kos rendah, memaklumkan bahawa:

- Kerajaan melalui KPKT telah memperkenalkan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) bagi membantu meringankan beban rakyat dalam menyelenggarakan semua rumah kos rendah dan rumah-rumah kos sederhana rendah yang dibina oleh pihak swasta yang sudah berusia 10 tahun ke atas; dan
- Bagi perumahan awam yang dibina oleh kerajaan, Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) telah diwujudkan bagi membantu semua jenis perumahan, flat kos rendah dan kos sederhana rendah.

Kerajaan menetapkan lapan (8) skop bantuan yang disalurkan di bawah Program TP1M ataupun PPP dan antaranya ialah membaiki ataupun mengganti lif-lif yang ada di projek perumahan yang tersebut. Program TP1M dan PPP dilaksanakan berasaskan kepada kaedah geran sepadan (*matching grant*) yakni 90 peratus kos baik pulih akan ditanggung oleh Kementerian dan 10 peratus oleh pihak JMB/MC. Manakala bagi flat kos sederhana rendah, 70 peratus peruntukan daripada pihak Kementerian dan 30 peratus daripada pihak JMB/MC.

YB Datuk Halimah juga memaklumkan bahawa pada tahun 2013, sebanyak 13 kawasan perumahan bertingkat telah terlibat dengan kerja-kerja baik pulih dan penggantian lif di bawah program TP1M dan PPP yang melibatkan pembaikan sejumlah 35 buah lif dan sembilan (9) buah lif diganti baru dengan kos keseluruhan sebanyak RM7.5 juta iaitu RM6.5 juta datang daripada tabung 90 peratus. Manakala sehingga April 2014, KPKT telah pun meluluskan kerja baik pulih dan penggantian lif di 10 kawasan perumahan bertingkat awam dan swasta dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM5.4 juta dan yang akan melibatkan pembaikan sejumlah 26 buah lif dan penggantian baru enam (6) lif.

YB Datuk Halimah Mohamed Sadique dalam menjawab soalan Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] dan Tuan Haji Mohd Fasihah Mohd. Fakeh (Sabak Bernam) berhubung isu Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan atau Sistem Penuaian Air Hujan (SPA), memaklumkan bahawa setakat ini hanya enam (6) buah negeri telah mewartakan pindaan terhadap Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) mengenai SPAH iaitu Perak, Selangor, Johor, Melaka, Kelantan dan Perlis walaupun keputusan bersama telah dicapai dalam mesyuarat MNKT ke-64 pada 23 Mei 2011.

YB Datuk Halimah menjelaskan, kelewatan beberapa kerajaan negeri dalam menyesuaikan dan mewartakan pindaan UKBS mengenai SPAH sedikit sebanyak memberi kesan seperti berlakunya pembaziran air terawat yang sesuai diminum, membasuh kenderaan, mencuci lantai dan mencurahkan tandas. Perkara ini kerana SPAH merupakan salah satu amalan pengurusan terbaik dalam pengurusan air berkesan. Beliau juga menjelaskan tanpa pemindaan UKBS mengenai SPAH, kerajaan-kerajaan negeri tidak dapat mendukung pelaksanaan Dasar Teknologi Hijau di negara ini terutama dalam penggunaan air terawat.

Tambahan beliau, pelaksanaan SPAH boleh membantu memelihara sumber air dan penjimatan tenaga elektrik di loji-loji rawatan air serta penggunaan air hujan boleh mengurangkan bayaran bil-bil air sama ada kegunaan domestik, komersial mahupun industri. Penggunaan air hujan juga akan mengurangkan penggunaan air terawat, mengatasi masalah bekalan air dan seterusnya dapat memulihara sumber air dan mengurangkan kesan perubahan iklim.



“

Tanpa pemindaan UKBS mengenai SPAH, kerajaan-kerajaan negeri tidak dapat mendukung pelaksanaan Dasar Teknologi Hijau di negara ini terutama dalam penggunaan air terawat

Datuk Halimah Mohamed Sadique

”

KPKT TINGKAT KUALITI HIDUP RAKYAT BERPENDAPATAN RENDAH MELALUI 1AZAM BANDAR

(Artikel asal disumbang oleh
Cik Sharifah Rafida Syed Abdul Rahman,
Penolong Pegawai KPI, Unit KPI, KPKT)



1AZAM Bandar merupakan satu inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) bagi Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat Berpendapatan Rendah (*Low Income Households - LIH*) yang dipertanggungjawabkan kepada KPKT dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat berpendapatan rendah.

Inisiatif ini dilaksanakan oleh Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB), KPKT melalui Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan (PLKK) 360°. PLKK 360° meliputi tiga (3) komponen program iaitu:

1. Program Pembangunan Minda Insan yang bermatlamat meningkatkan golongan sasaran
2. Program Bina Upaya Minda Insan yang bermatlamat meningkatkan kemahiran kumpulan sasaran
3. Program Menjana Pendapatan di Bandar Melalui Keusahawanan yang menggalakkan perniagaan kumpulan sasaran dalam projek keusahawanan

PLKK 360° ini dilaksanakan dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang dipilih mengikut Garis Panduan Untuk Pertimbangan Pemberian Bantuan Kerajaan Kepada Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bertarikh 5 November 1997 yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Objektif utama dalam pelaksanaan Program ini adalah untuk memberikan semangat untuk perubahan kepada minda dan sikap yang positif kepada:

- i. golongan miskin untuk keluar daripada kemiskinan;
- ii. untuk meningkatkan jati diri golongan miskin ;
- iii. untuk meningkatkan kemahiran golongan miskin supaya mereka mampu mendapat pekerjaan atau mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi; dan
- iv. untuk menggalakkan penyertaan kumpulan sasaran dalam projek-projek keusahawanan.

Penyertaan Program 1AZAM Bandar pula tertakluk kepada jumlah peruntukan yang telah diluluskan dan juga beberapa kriteria yang telah ditetapkan.

CPD 1AZAM BANDAR



Program ini telah diadakan pada 27 Jun 2014 di Dewan Kristal, KPKT. Program CPD ini melibatkan perkongsian ilmu dan perbincangan antara KPKT dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta peserta 1AZAM Bandar yang berjaya. Empat (4) NGO yang telah dilantik pada tahun 2014 dan mempunyai rekod peserta cemerlang pada tahun 2013. NGO yang terlibat ialah Dewan Usahawan Industri Desa (DUID); Persatuan Profesional Melayu Malaysia (PPMM); Persatuan Seni Jahitan Kreatif (PSJK); dan Persatuan Wanita Dalam Bisnes Malaysia (WIBA).

Unit KPI KPKT dengan kerjasama Seksyen Kemiskinan Bandar, Bahagian Kesejahteraan Bandar KPKT telah menganjurkan satu Program Pembangunan Berterusan (*Continuous Programme Development - CPD*) bertajuk 1AZAM Bandar bagi memberi pendedahan kepada warga KPKT.

Perkongsian Kejayaan Peserta 1AZAM Bandar

Dua (2) orang peserta iaitu Puan Juli Marziana Arsyad dari WIBA dan Puan Megawati Tumin selaku peserta Program Membina Masyarakat Cemerlang (MMC), PPMM membuka program ini dengan menceritakan pengalaman dan perjalanan mereka semasa menyertai Program



1AZAM Bandar. Daripada seorang yang tidak pernah menjana pendapatan, akhirnya mereka berjaya menjana RM3000.00 sebulan hasil daripada bantuan yang disalurkan. Mereka melahirkan rasa sangat bertuah dan bersyukur diberi peluang untuk menyertai program ini.

Forum 1AZAM Bandar

Program diteruskan dengan forum yang bertajuk "1AZAM Bandar?" yang dikendalikan oleh Encik Nazaruddin Sharaai dengan empat (4) orang panel iaitu YBhg. Dato' Haji Md Basar Haji Abdul Rahman, Setiausaha Bahagian Kesejahteraan Bandar, KPKT; Puan Nor Faizah, Timbalan



Pengerusi WIBA: Puan Fauziah Abdullah, Setiausaha PPMM; dan Puan Megawati Tumin, peserta MMC PPMM. Sesi ini telah berlangsung selama satu setengah jam yang mana beberapa cadangan dan isu telah dibangkitkan dan dikupas dengan menarik.

Dalam forum ini, pihak NGO mencadangkan agar senarai nama peserta dari sistem eKasih sentiasa dikemaskini dan dimurnikan supaya program dapat dilaksanakan dengan sempurna. Selain itu, peserta program juga telah mencadangkan agar KPKT memantau semua peserta yang telah diberikan bantuan dan menyemak sama ada mereka berjaya menjana pendapatan selepas tamat tempoh pemantauan yang ditetapkan. Ini bagi membolehkan Kementerian mengenal pasti cadangan penambahbaikan untuk program-program seterusnya.

Jualan Produk 1AZAM Bandar

Pada hari yang sama, telah berlangsung jualan produk 1AZAM Bandar dari 9.00 pagi hingga 4.00 petang bertempat di Dewan Kristal, KPKT. Sebanyak lapan (8) kaunter jualan telah dibuka untuk para peserta 1AZAM Bandar. Pelbagai produk ditawarkan kepada para pengunjung antaranya produk makanan seperti biskut raya



dan muffin; produk jahitan seperti set cadar, baju kurung, jubah dan *t-shirt*; dan perkhidmatan kecantikan wanita seperti *manicure* dan *pedicure*. Jualan ini diadakan bagi mempromosikan dan memasarkan produk-produk yang dihasilkan oleh para penerima bantuan Program 1AZAM Bandar yang telah memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah.

Sambutan peserta terhadap program CPD ini sangat memberangsangkan dan dihadiri oleh 97 orang warga KPKT dan empat (4) orang luar iaitu dua (2) kali ganda daripada bilangan disasarkan. Diharapkan cadangan dan idea yang dikongsi bersama sepanjang program ini berlangsung akan membantu KPKT meningkatkan kualiti dan produktiviti golongan sasaran yakni rakyat berpendapatan rendah dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan di kawasan bandar.



OPS HAPUS AEDES!

Operasi Hapus Aedes di lokalti *hotspot* denggi dalam kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) satu Malaysia telah dirasmikan oleh YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 24 Julai 2014 bertempat di Residensi Bistaria, Ampang. Inisiatif ini dianjurkan oleh KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Majlis ini turut dihadiri oleh pegawai kanan dari KPKT, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Kementerian Kesihatan Malaysia dan penduduk setempat.

Ops Hapus Aedes ini adalah komitmen KPKT dalam menghapuskan tempat pembiakan dan tempat yang berpotensi menjadi tempat pembiakan aedes di sekitar *hotspot* di kawasan PBT. Peningkatan kes denggi yang membimbangkan di kawasan PBT ini dipandang serius oleh KPKT.

KAWASAN TUMPUAN OPS HAPUS DENGGI DI *HOTSPOT* PBT

- projek terbengkalai;
- lot/ bangunan terbiar;
- tempat pembuangan sampah haram;
- dan tempat/pusat pengumpulan barangan lusoh

KPKT akan terus berkerjasama dengan PBT di seluruh negara dan agensi berkaitan bagi menangani peningkatan kes denggi di kawasan PBT berdasarkan kepada Pelan Tindakan Denggi PBT di Lokalti *Hotspot* 2014. Operasi ini adalah antara tindakan yang diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi 2014 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 14 Julai 2014. Di samping itu, KPKT juga akan merangka pelan tindakan bersepadu yang lebih komprehensif melibatkan pelbagai kementerian dan agensi berkaitan.

BAIK PULIH RUMAH PANGSA ALOR MALAI RM2.2 JUTA

KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) melancarkan program Turun Padang di bawah Program Transformasi Sosial Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Kejiranan Indah (*My Beautiful Neighbourhood, MyBN*) Rumah Pangsa Alor Malai. Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Badrol Hashim Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kerajaan Negeri Kedah pada 23 Jun 2014. Rumah Pangsa Alor Malai adalah satu (1) daripada enam (6) perumahan awam di bawah pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah yang telah dibaik pulih di bawah inisiatif NBOS Kejiranan Indah pada tahun 2012 dan 2013 dengan kos sebanyak RM2.2 juta.

Rumah pangsa ini telah dibaik pulih menjadi sebuah kejiranan indah yang ceria dengan mengecat semula bangunan yang dilengkapi dengan kemudahan taman permainan kanak-kanak; alat senaman interaktif; landskap baru yang indah; dewan orang ramai; lampu jalan; tempat letak kenderaan; medan selera; dan laluan pejalan kaki khusus.

Di samping itu, Program Transformasi Sosial di Rumah Pangsa Alor Malai turut dilancarkan berasaskan konsep penjagaan berterusan perumahan awam tidak hanya bergantung kepada Kerajaan semata-mata.

Program Transformasi Sosial ini adalah inisiatif baharu di bawah inisiatif NBOS yang telah digerakkan oleh KPKT bersama KDN sejak 2012 untuk program MyBN bagi menangani masalah yang dihadapi oleh penduduk perumahan awam terutamanya kemudahan infrastruktur dan persekitaran yang tidak teratur, suram dan kotor. Keadaan ini telah menjejaskan kualiti hidup rakyat dan meningkatkan rasa tidak puas hati kepada Kerajaan dan PBT.

KPKT merealisasikan Program Transformasi Sosial dengan mengenal pasti empat (4) program utama yang boleh dilaksanakan di semua lokasi MyBN dengan penglibatan jabatan di bawah KPKT dan agensi-agensi lain. Jabatan di bawah KPKT yang terlibat ialah JPBD; Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT); Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara

(JPSPN); Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM); Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA); dan PBT. Sementara itu, agensi luar yang terlibat ialah Kementerian Dalam Negeri (KDN); Polis Diraja Malaysia (PDRM); Setiausaha Kerajaan Negeri; dan 1M4U.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Dr. Dahlia Rosly, Ketua Pengarah JBPD; YBrs. Puan Zaiton Yahya, Timbalan Pegawai Kemajuan Negeri Kedah; YBhg. Dato' Tuan Haji Mat Noh Ahmad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar; YBrs. Encik Sulaiman Kadir, Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kawalan Kampung (JKKK) Rumah Pangsa Alor Malai; Ketua-ketua Jabatan KPKT dan Kerajaan Negeri Kedah dan JKKK Rumah Pangsa Alor Malai.

Mewujudkan kejiranan indah yang mampan dengan penglibatan masyarakat setempat terhadap program dan aktiviti yang dijalankan

Mewujudkan nilai kebertanggungjawaban (*sense of belonging*) terhadap kawasan setempat meliputi aspek kebersihan dan keselamatan

4 OBJEKTIF PROGRAM TRANSFORMASI SOSIAL

Memastikan kesejahteraan sosial dipupuk dalam nilai masyarakat setempat sebagai usaha meningkatkan kejiranan yang sejahtera, baik dari segi fizikal, mental dan sosial

Menggalakkan penyertaan penduduk dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti kesukarelawan



KPKT BAIK PULIH TAMAN JENGKA IMPIAN DENGAN KOS RM1.32 JUTA

Majlis Penyerahan Projek Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Kejiranan Indah (MyBN) Taman Jengka Impian, Maran, Pahang telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 10 Mei 2014. Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT; YBrs. Encik Zamri Omar, Setiausaha Majlis Daerah Maran; YBhg. Dato' Halimi Abdul Manaf, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), KPKT; YBhg. Dr. Dahlia Rosly, Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD), Encik Tim Polkowski dan Encik Gareth Hitchings dari *Malaysia Blue Ocean Strategy Institute (MBOSI)*; dan dif-dif kehormat.

Taman Jengka Impian, Maran telah berjaya dibaik pulih dengan kos RM1.32 juta yang memberikan keselesaan kepada 1500 penghuninya. Melalui inisiatif ini, Taman Jengka Impian telah dilengkapi dengan kemudahan dewan komuniti, gelanggang futsal, taman permainan kanak-kanak dan alat senaman interaktif; penyediaan landskap baharu yang indah; penurapan semula jalan; pemasangan lampu jalan; dan penyediaan laluan pejalan kaki khusus.

Pejabat Tanah Daerah Maran dan Jabatan Agama Islam Negeri Pahang (JAIP) turut membina sebuah surau baharu dengan kos sebanyak RM120 ribu sementara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga telah menaja Program Bumi Hijau sebanyak RM20 ribu.

Sebelum ini, taman perumahan ini berhadapan dengan masalah tidak mempunyai dewan komuniti dan kawasan lapang, kejadian jenayah kerap berlaku, kegiatan penagihan dadah. Taman Jengka Impian yang terletak di bawah pentadbiran Majlis Daerah Maran, dibina pada tahun 2002 oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk menyediakan 300 unit rumah untuk pekerja kilang yang telah hilang pekerjaan. Taman ini dikelilingi oleh Gugusan Jengka yang terdiri daripada 25 buah Rancangan Segitiga Jengka atau Felda Jengka Pahang, terletak lebih kurang empat (4) kilometer dari Bandar Tun Abdul Razak Jengka dan agak terpencil dari pembangunan perumahan lain.



Aktiviti yang dijalankan sempena majlis penyerahan ini adalah seperti yang berikut:

- Menandatangani Papan Tanda Majlis Penyerahan Projek MyBN Taman Jengka Impian oleh YB Menteri;
- Pelancaran video NBOS MyBN;
- Pelancaran Bomba Komuniti dan Rakan Taman;
- Bacaan Ikrar penduduk Taman Jengka Impian Maran dan Belia 1M4U;
- Pameran oleh 10 agensi iaitu JPBD; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN); Jabatan Bomba dan Penyelamat Pahang; Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA); Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Anggora Polis Wanita (AMANITA); 1M4U; Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK); Jabatan Pertanian; Jabatan Kesihatan; Jiran Wanita Taman Jengka Impian; Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC) oleh Unit Strategi Nasional; Kementerian Kewangan; dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); dan
- Lawatan ke pusat pengumpulan kitar semula; projek gelanggang futsal dan "kick off" Liga Futsal; projek landskap dan Program Bumi Hijau.

Dalam majlis yang sama, YB Menteri turut melancarkan Program Transformasi Sosial yang akan dilaksanakan di Taman Jengka Impian sebagai langkah permulaan untuk memastikan kesejahteraan sosial dan semangat kesukarelawanan dipupuk di kalangan penduduk sebagai usaha mewujudkan kejiranan yang sejahtera, baik dari segi fizikal, mental dan sosial secara mampan. Program ini juga dilaksanakan bagi membantu PBT menyelenggara kawasan ini menerusi empat (4) komponen utama seperti yang berikut:



Komponen	Tujuan
Program Bandar Selamat	- Mengurangkan jenayah melalui aktiviti <i>omnipresence</i> dan rondaan keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Pentahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Rukun Tetangga (RT) telah dilaksanakan sebanyak 96 kali bermula November 2013 hingga April 2014; dan - Anggota Polis Wanita (AMANITA) menarik suri rumah menjadi 'mata dan telinga' bagi pihak polis untuk menyalurkan maklumat kes jenayah yang berlaku.
Program Bomba Komuniti	Memupuk kesedaran keselamatan kebakaran dan sebagai penyampai maklumat kecemasan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).
Program Rakan Taman	- Memupuk semangat kesukarelawan dan dijadikan amalan bagi memelihara, menyelenggara dan mengawasi taman yang telah dinaik taraf; - Mengawasi keadaan taman dan menjaga kebersihan taman; dan - Bergotong-royong memperbaiki kerosakan kecil atau melakukan apa yang patut untuk meningkatkan keceriaan taman.
Komuniti Kitar Semula (reduce, reuse dan recycle)	- Meningkatkan kadar kitar semula dengan mencapai sasaran 22 peratus menjelang tahun 2020; dan - Memupuk amalan kitar semula dan menambah sumber pendapatan isi rumah.

KPKT melaksanakan inisiatif NBOS MyBN di Taman Jengka Impian ini menerusi kolaborasi bahagian dan jabatan di bawah KPKT antaranya JPBD; Bahagian Kesejahteraan Bandar, KPKT; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN); JBPM; Jabatan Landskap Negara (JLN); Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Selain itu, kerajaan/agensi persekutuan, negeri dan PBT turut bekerjasama dalam menjayakan inisiatif ini.

RUMAH PANGSA KILANG LAMA BERWAJAH BARU



Rumah Pangsa Kilang Lama lima (5) tingkat milik Kerajaan Negeri Kedah yang dibina pada 1984 ini dan telah dibaik pulih oleh KPKT menerusi inisiatif Program NBOS 7 MyBN yang melibatkan kos RM1,161,649.00. Kerja baik pulih ini telah dijalankan pada 2013. Majlis penyerahan projek ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Azizan Mohamad Sidin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), KPKT pada 6 September 2014.

YBhg. Datuk Azizan juga turut melancarkan Program Transformasi Sosial bagi Rumah Pangsa Kilang Lama yang menekankan konsep penjagaan berterusan kemudahan awam oleh penghuni dan tidak hanya bergantung kepada Kerajaan. Lima (5) komponen Program Transformasi Sosial bagi rumah pangsa ini



adalah seperti yang berikut:

- Program Bandar Selamat;
- Program Bomba Komuniti;
- Program Rakan Taman;
- Komuniti Kitar Semula; dan
- Program Kesihatan

Majlis ini diserikan dengan kehadiran YBrs. Tuan Haji Md. Nordin Yahya; Yang Dipertua Majlis Daerah Kulim; Tuan Syed Khairul Anuar Syed Abidin, Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Perumahan) SUK Kedah; Pegawai Kanan KPKT dan Kerajaan Negeri Kedah; pemimpin masyarakat; dan wakil penduduk setempat.



JELAJAH BUSKERS CORNER KE KUANTAN, JOHOR BAHRU DAN KOTA BHARU

Menyedari hakikat bahawa aktiviti *busking* sedang tumbuh secara pesat di Negara ini dan mengambil kira pandangan pelbagai pihak mengenainya, KPKT telah mengambil inisiatif untuk mengadakan perbincangan dengan pihak Kerajaan Negeri, beberapa pihak berkuasa tempatan (PBT) terpilih dan *Malaysian Buskers Club (MyBC)* bagi membincangkan hala tuju aktiviti *buskers* di Negara ini khususnya dalam kawasan PBT.

Melalui kerjasama strategik KPKT dengan pihak Kerajaan Negeri, PBT dan *MyBC* telah dipersetujui bagi mewujudkan *My Buskers Corner* dalam kawasan PBT yang bertujuan untuk menyediakan platform kepada warga bandar bagi menonjolkan seni kreatif mereka. Melalui penyediaan *My Buskers Corner*, PBT dapat mengawal aktiviti *busking* dan memastikan aktiviti yang dijalankan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan isu-isu berkaitan dengan kacau ganggu, masalah kebersihan dan keselamatan kepada orang awam.

KPKT juga percaya melalui pewujudan *My Buskers Corner* ini akan dapat membangunkan aktiviti sosial setempat yang positif dan sihat; mewujudkan komuniti *buskers* yang 'street-wise' akan tanggungjawab dan hak-hak mereka; membuka ruang untuk menampilkan bakat-bakat sedia ada; menjadi hab pengeras hubungan komuniti setempat melalui seni jalanan; dan menjadi daya tarikan kepada penduduk tempatan dan pelancong dalam kawasan PBT.

Berikutan kejayaan KPKT menganjurkan *MY Buskers Corner* di Melaka dan Port Dickson, Negeri Sembilan sebelum ini, inisiatif ini diteruskan ke tiga (3) lokasi yang lain iaitu:

i. Kuantan


Kuantan, Pahang telah dibangunkan sebagai salah satu tapak untuk aktiviti *busking* oleh KPKT dan Teluk Chempedak telah dipilih sebagai lokasi *My Buskers Corner*. Majlis pelancaran yang dianjurkan secara bersama oleh KPKT dan Majlis Perbandaran Kuantan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT pada 3 Mei 2014. Majlis pelancaran ini diadakan bersempena dengan *Malaysian Street Arts Festival 2014 @ MYSAF2014* pada 3 hingga 4 Mei 2014 hasil inisiatif MyBC.

ii. Johor Bahru

KPKT menjalinkan usaha sama dengan pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bagi penganjuran *My Buskers Corner* Johor Bahru bertempat di Bazar Karat, Johor Bahru pada 16 Mei 2014. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Datuk Nur Jazlan Mohamed, Ahli Parlimen Pulau dan pegawai-pegawai kanan MBJB.

iii. Kota Bharu

Tambahan DiRaja Kota Bharu telah dipilih sebagai lokasi *My Buskers Corner* bagi Negeri Kelantan dan majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT pada 20 Jun 2014. Majlis yang diadakan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kota Bharu ini turut diserikan dengan persembahan oleh kumpulan-kumpulan *buskers* tempatan dan Kumpulan *Buskers* KPKT.



AKTIVITI BUSKING MERIAHKAN KARNIVAL MINI SEMPERA SAMBUTAN HARI MALAYSIA

YBhg. Dato' Halimi Abdul Manaf, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), KPKT telah merasmikan Karnival Mini Sempera Sambutan Hari Malaysia anjuran bersama KPKT dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) pada 21 September 2014. Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Abidin Madingkir, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, pegawai kanan KPKT, DBKK dan Kerajaan Negeri Sabah.

Bagi menyemarakkan rasa kecintaan kepada Negara pameran berkaitan dengan sejarah kemerdekaan Malaysia dan fasa- fasa pembangunan negara yang dilalui negara dari sudut politik ekonomi dan sosial yang dipamerkan oleh Jabatan Arkib Negeri Sabah, Jabatan Muzium Negeri Sabah dan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.

KPKT juga mengatur aktiviti *busking* sebagai aktiviti yang boleh dikembangkan secara sihat bagi mewujudkan suasana sejahtera di bandar atau tumpuan orang ramai dan membantu dalam menyumbang kepada pewujudan 'livable city' melalui aktiviti seni jalanan.





BANDAR PUTERA INDAH DIPULIHKAN DENGAN PERUNTUKAN RM 17.93 JUTA

Pada 26 September 2014, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Bandar Putera Indah, Batu Pahat, Johor yang telah berjaya dipulihkan dengan peruntukan dana Kerajaan sebanyak RM17.93 juta.

Projek perumahan Bandar Putera Indah, Batu Pahat, Johor ini telah diisytiharkan terbengkalai pada 31 Disember 2005 ini melibatkan sebanyak 244 unit rumah teres kos rendah dan kos sederhana rendah sepatutnya siap pada tahun 2002.

Pada 5 April 2012, syarikat pemaju asal iaitu Jasa Vista Sdn. Bhd telah digulungan di Mahkamah dan Rimbun Corporate Advisory Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai pelikuidasi projek. *Rimbun Corporate Advisory Sdn. Bhd.* dan syarikat *YYM Builders Sdn. Bhd.* sebagai kontraktor penyelamat.

Pelantikan kontraktor penyelamat telah dilaksanakan secara tender terbuka di kalangan pemaju/kontraktor yang lulus pra-kelayakan di peringkat JPN. Surat pelantikan sebagai kontraktor penyelamat telah dikeluarkan pada 30 Oktober 2012.

Tempoh kontrak pemulihan adalah selama 24 bulan iaitu bermula dari 12 November 2012 hingga 11 November 2014. Sejumlah RM17,930,796.51 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan bagi menampung kos pemulihan rumah-rumah bagi projek Bandar Putera Indah. Pembayaran telah dilakukan setelah projek siap dengan Sijil Layak Menduduki (CFO) pada 20 Disember 2013.

Perumahan Bandar Putera Indah siap dengan Sijil Layak Menduduki (CFO) enam (6) bulan lebih awal daripada yang dijadualkan hasil daripada komitmen dan kerjasama penuh kesemua pihak yang terlibat. Antara pihak tersebut termasuklah Kerajaan Negeri Johor, Majlis Perbandaran Batu Pahat, Pejabat Tanah dan Daerah Batu Pahat serta agensi-agensi teknikal.



PEMBELI RUMAH TAMAN MENGKIBOL TARIK NAFAS LEGA SELEPAS 14 TAHUN

Projek perumahan terbengkalai Taman Mengkibol, Kluang Johor telah berjaya disiapkan beserta Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) bertarikh 15 Jun 2014 setelah terbengkalai hampir 14 tahun dan diserahkan kepada pembeli oleh YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 26 September 2014.

Projek Taman Mengkibol ini telah diisytiharkan terbengkalai pada 31 Disember 2003, melibatkan 440 unit rumah teres kos rendah dan kos sederhana rendah di atas tanah berkeluasan 244 ekar. Projek yang sepatutnya siap pada tahun 2000 tetapi telah terhenti akibat masalah kewangan pemaju asal syarikat *Success Villa Sdn. Bhd.*

Syarikat *Success Villa Sdn. Bhd.* telah digulungan di Mahkamah pada 2 Oktober 2007 dan Jabatan Insolvency Wilayah Persekutuan telah dilantik sebagai pelikuidasi projek yang kemudiannya diambil alih oleh *Rimbun Corporate Advisory Sdn Bhd.* dan kontraktor penyelamat syarikat *KSL Development Sdn. Bhd.*

LAKSANA TP1M DI 3 BUAH RUMAH PANGSA DI KLUANG

YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melakukan lawatan turun padang ke Rumah Pangsa Jalan Dato' Haji Ismail Hassan untuk Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) pada 22 September 2014.

TP1M adalah program di bawah KPKT untuk membantu pihak pengurusan bangunan iaitu Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) rumah berstrata kos rendah swasta dan kos sederhana rendah swasta membaik pulih kerosakan pada bangunan mereka. TP1M yang dilaksanakan berdasarkan konsep geran sepadan/*matching grant* dengan kadar 90:10 bagi rumah berstrata kos rendah swasta dan 70:30 bagi rumah berstrata kos sederhana rendah swasta. Pihak kerajaan akan menyumbang sebanyak 90 atau 70 peratus daripada kos projek dan 10 atau 30 peratus lagi akan dibiayai oleh pihak JMB/MC.

Tiga (3) rumah berstrata kos rendah swasta di Kluang, Johor telah diluluskan untuk pelaksanaan program TP1M pada tahun ini ialah:

8 Skop kerja Program TP1M

- Baik pulih/ganti lif;
- Baik pulih/ganti tangki air dan sistem retikulasi;
- Baik pulih/ganti paip sanitari;
- Baik pulih/ganti bumbung;
- Baik pulih/ganti tangga dan handrail;
- Cat bangunan;
- Pendawaian semula
- Baik pulih kerosakan umum pada kemudahan awam

Bil.	Lokasi	Jumlah Peruntukan	Skop Kerja
1.	Rumah Pangsa Jalan Dato' Hj. Ismail Hassan	RM 277,800	mengecat semula bangunan dan pendawaian semula elektrik. Kerja-kerja akan melibatkan 2 blok bangunan dengan 456 orang penghuni
2.	Rumah Pangsa Jalan Hj. Manan	RM 1.006 juta	mengecat semula bangunan yang melibatkan 8 blok di rumah pangsa ini yang didiami oleh 1,186 orang
3.	Rumah Pangsa Taman Sri Kluang	RM 274,446	mengecat semula bangunan dan pendawaian elektrik bagi manfaat 528 orang penghuninya

YB MENTERI PERJELAS ISU CADANGAN PEMBINAAN LOJI WASTE-TO-ENERGY

Satu sidang media khas oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diadakan pada 10 Julai 2014 di Bangunan KPKT, Putrajaya. Sidang media ini diadakan bagi memberikan penjelasan kepada pihak media terhadap isu-isu yang ditimbulkan oleh pihak tertentu berkaitan cadangan Kerajaan untuk membina Loji *Waste-to-Energy* (WtE) di Kuala Lumpur. Berikut merupakan ringkasan perkara yang telah diperjelaskan dan info menarik yang dimaklumkan oleh YB Menteri kepada wakil-wakil media yang hadir:



- Pelbagai Program Pendidikan 3R dilaksanakan untuk meningkatkan amalan kitar semula di kalangan rakyat;
- Jerman mempunyai 72 insinerator dengan 62 peratus rakyatnya mengamalkan kitar semula manakala Perancis mempunyai 129 insinerator walaupun hanya 35 peratus rakyatnya mengamalkan kitar semula;
- Kerajaan Malaysia hanya merancang tiga (3) insinerator iaitu di Taman Beringin, Kepong, Kuala Lumpur; Sungai Udang, Melaka; dan Bukit Payung, Johor;
- Pelaksanaan insinerator akan disokong dengan peningkatan program 3R serta pemisahan sampah fizikal di punca;
- Jepun kini membina insinerator dengan kapasiti yang lebih besar. Jumlah sisa yang diproses juga meningkat di negara itu;
- Jepun mengurangkan insinerator daripada 2025 loji pada tahun 1978 kepada 1248 loji pada tahun 2009 kerana rasionalisasi dan memaksimumkan kapasiti;
- Di Jepun, insinerator dibina di kawasan padat penduduk dan berhampiran sekolah, pusat komuniti dan kawasan kediaman.
- Pengalaman pembangunan insinerator kecil di Langkawi, Pulau Tioman, Pulau Pangkor dan Cameron Highlands menjadi panduan kepada KPKT;
- Mengapa kita perlu insinerator?
 - i. Untuk kurangkan dan hilangkan bau busuk di stesen permindahan sampah;
 - ii. Untuk kurangkan kos angkut sampah dari sumber ke stesen perpindahan dan ke tapak pelupusan;
 - iii. Sebagai sebahagian langkah jangka panjang untuk memproses sampah kepada tenaga; dan
 - iv. Kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan jangka hayat tapak pelupusan sampah yang panjang;
- Isu bau di Taman Beringin, Kepong akan hilang selepas pembinaan insinerator dan penduduk dapat menikmati kehidupan selesa; dan
- Lawatan ke Jepun baru-baru ini membabitkan wakil penduduk Taman Beringin, Kepong yang melihat sendiri operasi insinerator yg selamat.



JPSPN BAWA PENDUDUK, NGO LAWAT LOJI INSEATOR DI JEPUN

Pada 23 dan 24 Jun yang lalu satu kumpulan yang terdiri daripada wakil penduduk setempat, parti politik dan wakil dari Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Kuala Lumpur Taknak Insinerator (KTI) telah di bawa oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) ke Tokyo, Jepun untuk melawat Loji-loji Insinerator di negara tersebut.

Lawatan ini merupakan salah satu aktiviti yang dirancang oleh JPSPN di bawah program *public engagement* bagi membolehkan wakil masyarakat setempat dan ahli-ahli politik yang berkepentingan bagi mendapatkan maklumat dan meninjau sendiri kewujudan loji *waste to energy* (WtE) di negara lain.

Peserta-peserta yang terdiri daripada mereka yang menentang, menyokong dan neutral terhadap cadangan Kerajaan itu dibawa melawat loji-loji yang sedang beroperasi (Shibuya dan Adachi) dan sedang dalam proses pembinaan semula (Suginami) selain berpeluang mendengar taklimat berkaitan pengurusan sisa pepejal di Kementerian Alam Sekitar Jepun (MOEJ).

Loji-loji tersebut yang terletak ditengah-tengah bandar, berhampiran dengan kawasan perumahan, pusat komuniti malah ada yang bersebelahan dengan sekolah-sekolah dengan jarak yang sangat minimum

(10-20 meter) menjadi pilihan untuk dilawati agar peserta dapat melihat sendiri dan mendapatkan jawapan terhadap kekusaran mereka terhadap cadangan Kerajaan untuk membina Loji *Waste to Energy* sebagai salah satu alternatif dalam merawat sisa pepejal di Malaysia.

KENALI TEKNOLOGI WASTE-TO-ENERGY

Kerajaan bercadang untuk membina Loji *Waste-to-Energy* (WtE) yang menggunakan teknologi terkini dan terbukti sebagai salah satu penyelesaian dalam merawat sisa pepejal di Malaysia.

Loji WtE merujuk kepada kemudahan Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang merawat sisa bagi menghasilkan tenaga seperti elektrik, haba dan bahan api bagi kenderaan (contohnya diesel). Malah penggunaan Loji WtE dalam merawat sisa dilihat pendekatan yang ideal kerana bertepatan dengan keutamaan dalam dihari Pengurusan sisa pepejal seperti yang berikut:



PROGRAM *ENGLISH FOR ME* FASA 1 LIBAT 7 KOLEJ KOMUNITI

Program *English For Me* merupakan satu usaha sama antara Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK) dan KPKT yang memfokuskan kepada latihan dalam meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris kepada kumpulan sasaran iaitu komuniti setempat yang terdiri dari golongan belia yang menganggur, belia yang sudah bekerja atau ibu tunggal dengan berlandaskan konsep "Memakmur Negara, Mensejahtera Rakyat".

Program yang dilaksanakan oleh tujuh (7) buah Kolej Komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ini memfokuskan kepada golongan komuniti setempat dalam mengejar era globalisasi yang memerlukan pelbagai kemahiran untuk dikuasai oleh individu bagi melonjakkan kecemerlangan masing-masing ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, kemahiran komunikasi yang baik mampu meningkatkan tahap kemahiran insaniah dan

kemahiran teknikal yang amat diperlukan bagi meneruskan kelangsungan hidup dan menaik taraf ekonomi pendapatan harian.

Program *English For Me* ini juga bertujuan bagi mengeratkan hubungan di antara kaum, meningkatkan kecenderungan komuniti setempat terhadap program-program teknikal dan kemahiran, melahirkan komuniti berpengetahuan (*k-community*) serta membantu mengurangkan masalah sosial di kalangan belia. Ini bersesuaian dengan peranan Kolej Komuniti untuk memberikan khidmat melepasi sempadan kaum dan bangsa seiring dengan moto Kolej Komuniti sebagai 'Peneraju Komuniti Berilmu dan Berkemahiran'.

Lokasi Kursus

Kursus ini dijalankan di tujuh (7) buah kolej komuniti dengan menggunakan fasiliti dan prasarana yang sedia ada dan juga di beberapa

lokasi lain mengikut keperluan serta permintaan komuniti. Kolej Komuniti yang terlibat ialah:

- Kolej Komuniti Bandar Tenggara;
- Kolej Komuniti Hulu Selangor;
- Kolej Komuniti Bayan Baru;
- Kolej Komuniti Penampang;
- Kolej Komuniti Arau;
- Kolej Komuniti Bukit Beruang; dan
- Kolej Komuniti Kuala Terengganu.

Peserta Dan Modul Program

Peserta program ini terdiri daripada SAHABAT Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad dan komuniti setempat. Sehingga kini seramai 92 peserta yang sedang mengikuti fasa 1 program ini di kolej komuniti yang terpilih. Modul pembelajaran bagi Program *English For Me* adalah menggunakan modul *Communicative English* dari Modul Wajib Kolej Komuniti.



PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DAN KEUSAHAWANAN UNTUK GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH

YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT telah merasmikan Majlis Penutup Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan (PLKK) 2014 pada 20 Jun 2014 bertempat di Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu, Kelantan.

PLKK ini adalah dibawah kelolaan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu Dewan Perniagaan Islam Malaysia (DPIM) yang telah diadakan bermula pada 14 Jun 2014 hingga 20 Jun 2014. PLKK kali ini melibatkan seramai 53 orang peserta bagi dua (2) bidang kursus iaitu kursus jahitan dan kursus pengurusan makanan sejuk beku.

PLKK merupakan program AZAM Bandar di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) yang dilaksanakan oleh KPKT bermula pada tahun 2012. Program ini disediakan untuk golongan yang berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan atau dikenali sebagai golongan yang berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan berdaftar dan disahkan status kemiskinan dalam eKasih.

Matlamat utama PLKK adalah untuk meningkatkan kemahiran golongan sasar supaya mampu mendapatkan pekerjaan atau mengusahakan perniagaan sendiri yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan kualiti hidup dan keluar dari kemiskinan.


Semenjak program ini dilaksanakan pada tahun 2012, KPKT dengan kerjasama NGO telah melatih lebih 3000 orang peserta. Berdasarkan laporan yang diberikan oleh pihak NGO, 80 peratus peserta yang terlibat berjaya menjana pendapatan melebihi RM 300 sebulan.

Bagi tahun 2014, Kementerian mensasarkan 2750 orang peserta akan dilatih untuk program ini dengan penglibatan sebanyak lapan (8) NGO. Demi memastikan program ini lebih memberi impak kepada golongan sasar, beberapa penambahbaikan telah dibuat antaranya dengan memfokuskan kepada bidang-bidang kursus yang lebih berdaya saing dan berdaya maju di pasaran terbuka. Terdapat 25 jenis bidang latihan yang



mana sembilan (9) bidang latihan berasaskan produk seperti jahitan dan pengurusan makanan sejuk beku dan 16 bidang latihan yang berasaskan perkhidmatan seperti jurulatih renang dan penyelamat, pengurusan kediaman dan salun dan spa telah ditawarkan oleh pihak Kementerian. Selain daripada itu, Kementerian juga telah meningkatkan had umur penyertaan bagi program ini daripada 55 tahun kepada 60 tahun. Ini bagi membolehkan golongan pesara yang layak turut menyertai program ini.






PROGRAM PARTNERSHIP BUILDING WITH LOCAL RESIDENTS ON WASTE MANAGEMENT IN MALAYSIA: KPKT TERIMA KUNJUNGAN PERSATUAN PENDUDUK TOKYO

Program *Partnership Building with Local Residents on Waste Management in Malaysia* telah bermula sejak Januari 2014 ini dan diikuti dengan beberapa perbincangan penyelarasan antara JPSPN; *Malaysian Solid Waste Management and Environment (MSWME)*; *Japan International Cooperation Agency (JICA)*; dan *Clean Authorities of Tokyo 23 Cities (CAT 23)*.

Pada 14 Julai 2014, JPSPN telah menerima wakil-wakil Persatuan Penduduk daripada Tokyo, Jepun iaitu daripada *Setagaya City*, *Arakawa City*, *Sumida City* dan *Koto City* yang telah hadir buat pertama kalinya bagi memperkenalkan bandar mereka.

LAWATAN KERJA YBM KPKT KE IRIS, CYBERJAYA

Tarikh: 11 Jun 2014



KUNJUNGAN DELEGASI LUAR NEGARI

ARAB SAUDI • Tarikh: 24 Jun 2014



JEPUN • Tarikh: 2 Jun 2014



UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAMME • Tarikh: 1 Julai 2014



UNITED STATES • Tarikh: 22 Julai 2014



BELGIUM • Tarikh: 10 September 2014



LAWATAN KERJA YBM KE PEJABAT KETUA MENTERI SARAWAK

Tarikh: 8 Julai 2014





MY BEAUTIFUL MALAYSIA (MYBM): SELENGGARA DAN NAIK TARAF KUARTERS KERAJAAN

My Beautiful Malaysia (MyBM) merupakan inisiatif NBOS yang telah diperkenalkan pada 21 Mei 2014 dan KPKT telah dilantik sebagai *project leader* bagi inisiatif ini. Objektif utama MyBM adalah untuk menyelaras secara teratur dan sistematik penyelenggaraan dan naik taraf perumahan awam/kuarters dan fasiliti awam melalui kerjasama dengan pelbagai Kementerian.

Lawatan YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT ke dua (2) lokasi kuarters yang dipohon untuk dilaksanakan bawah inisiatif MyBM pada 3 Julai 2014 adalah untuk meninjau kerosakan dan keadaan kuarters yang diduduki oleh penjawat awam. Kuarters yang dilawati ialah Kuarters Klinik Kesihatan Tanglin, Kuala Lumpur dan Kuarters Bomba dan Penyelamat Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

Program lawatan ini telah memberi ruang kepada penghuni kuarters untuk berkongsi permasalahan berkenaan keadaan rumah diduduki dan infrastruktur yang disediakan.



PPSPPA LANCAR PELAN TINDAKAN KOMPREHENSIF PENGURUSAN SISA PEPEJAL 2015-2020

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) telah mengadakan Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Komprehensif Pengurusan Sisa Pepejal 2015-2020 Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) dan Ramah Mesra YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama media pada 14 Ogos 2014 di Hotel Everly, Putrajaya.

Pelan Tindakan Komprehensif Pengurusan Sisa Pepejal 2015-2020 PPSPPA ini telah dilancarkan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pelan tindakan ini menggariskan 39 bidang keberhasilan utama dan 55 strategi kepada teras utama mengikut sisa iaitu sisa pepejal makanan, sisa pepejal elektrik dan elektronik, sisa pepejal isi rumah berbahaya, sisa plastik, sisa tetrapak, sisa pepejal perindustrian, sisa pepejal pembinaan, *Refuse Derived Fuel (RDF)* sebagai bahan api boleh diperbaharui, dan sisa pepejal lampin pakai buang. Penghasilan pelan ini adalah bagi usaha menyelesaikan isu-isu pengurusan sisa pepejal di negara ini selain dapat melonjakkan tahap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ke tahap yang membanggakan.



PROGRAM TRANSFORMASI MINDA MASYARAKAT BERSAMA KOMUNITI KAMPONG BHARU

Pada 14 Jun 2014 yang lalu, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) Wilayah Persekutuan telah melaksanakan Program Transformasi Minda Masyarakat Bersama Komuniti Kampung Bharu, Kuala Lumpur dengan tema "PPSPPA Memacu Budaya Kebersihan" bertempat di Sekolah Rendah Agama Raja Muda Musa, Kampung Bharu, Kuala Lumpur.

Program ini dianjurkan bertujuan mendekatkan PPSPPA kepada masyarakat serta mengubah minda dan persepsi masyarakat terhadap pengurusan sisa pepejal. Program ini telah dirasmikan oleh YB. Datuk Johari Abdul Ghani, Ahli Parlimen Titiwangsa. Satu Perjanjian Persefahaman (MOU) antara PPSPPA dan dan Lembaga Pentadbiran Kampung Bharu (M.A.S) telah ditandatangani. Selain itu, Komuniti juga telah menerima plak penghargaan sempena penglibatan dalam Program Rumah Terbersih.



KURSUS PANDUAN PEMERIKSAAN DAN PENGGREDAN PREMIS MAKANAN

Fungsi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dewasa ini semakin mencabar selari dengan perubahan persekitaran yang begitu pantas terutama sekali dengan perubahan cita rasa pelanggan. Keadaan ini memerlukan PBT menyediakan perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada pelanggan mereka. Dalam usaha untuk mencapai dan mengekalkan prestasi perkhidmatan PBT yang cemerlang, KPKT telah melaksanakan dan mengaplikasikan pelbagai program penambahbaikan melalui pekiling dan garis panduan.

Antara pekiling yang khusus dikeluarkan kepada PBT dalam usaha KPKT untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat ialah, Pekiling Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil. 2/2014 mengenai Garis Panduan Penggredan Premis Makanan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah diedarkan pada 12 Februari 2014, kepada semua Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk digunapakai oleh semua PBT. Pekiling ini diperkenalkan bagi mewujudkan sistem pemeriksaan dan penggredan premis makanan yang seragam bagi semua PBT.

Sehubungan dengan itu, Pusat Pengajian Pengurusan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Unit Kawalan Keselamatan Makanan, Bahagian Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) mengadakan kursus ini kepada Pegawai Kesihatan Persekitaran (PKP) dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) dari semua PBT di Semenanjung, Sabah dan Sarawak mengikut zon seperti yang berikut:

ZON PBT	JUMLAH PESERTA	TARIKH KURSUS
Sentral & Selatan	50 orang	5 - 6 Mei 2014
Timur	48 orang	9 - 11 Jun 2014
Utara	23 orang	24 - 26 Jun 2014
Sabah & Sarawak	58 orang	22 - 24 Sept 2014

Objektif utama kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan peserta berhubung teknik dan prosedur terkini pemeriksaan premis makanan selaras dengan garis panduan pemeriksaan dan penggredan premis makanan yang baru. Selain itu, para peserta juga diberi latihan praktikal secara hands-on di premis-premis perniagaan di sekitar kawasan Gohtong Jaya menggunakan borang pemeriksaan dan penggredan premis makanan.

SKOP PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN

Kawasan penyediaan makanan	25%
Kawasan penyajian makanan	18%
Pengendali makanan	13%
Sistem bekalan air	5%
Kemudahan sanitasi	12%
Struktur penyenggaraan premis	11%
Lain-lain (generik) termasuk input dari pelanggan	16%



PIHAK MASJID, GEREJA, PBT DAN KPKT KERJASAMA ANJUR MAJLIS BUKA PUASA



KPKT dengan kerjasama Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Masjid An-Nur, Gereja Thomas More, Holy Family Church, Good Shepherd Church dan Christ The King Church telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa Bersama YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 21 Julai 2014 bertempat di perkarangan Masjid An-Nur, USJ 4, Subang Jaya, Selangor.

Majlis ini telah dihadiri oleh seramai 500 orang yang terdiri daripada wakil pengurusan Masjid An-Nur; wakil Gereja Thomas More, Holy Family Church, Good

Shepherd Church dan Christ The King Church; wakil Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ); Pegawai-pegawai Kanan KPKT; dan penduduk setempat. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Dato' Halimi Abdul Manaf Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) KPKT; dan YBhg. Dato' Yong Bun Fou; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT.

Program ini dianjurkan dengan tujuan untuk mewujudkan keharmonian di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, latar belakang dan agama. Dalam majlis tersebut, YB Menteri turut mengambil peluang memberi sumbangan kepada 16 orang anak yatim daripada kawasan kejiranan Subang Jaya.



BERBUKA PUASA & SOLAT TARAWIH BERSAMA YB MENTERI



• Tarikh: 22 Julai 2014 • Tempat: Dewan Kristal dan Lobi KPKT

BUBUR LAMBUK RAMADAN ANJURAN KESKEP KPKT



• Tarikh: 22 Julai 2014 • Tempat: Lobi dan Perkarangan KPKT

BERBUKA PUASA BERSAMA ANGGOTA BOMBA SARAWAK



• Tarikh: 8 Julai 2014 • Tempat: Balai Bomba Petrajaya, Kuching Sarawak

SAMBUTAN AIDILFITRI KPKT DAN PELANCARAN BULAN KEMERDEKAAN



• Tarikh: 22 Ogos 2014 • Tempat: Dewan Kristal, Lobi dan Perkarangan KPKT



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2013 DAN JASAMU DIKENANG 2014

KPKT telah menganjurkan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2013 dan Jasamu Dikenang diadakan pada 20 Mei 2014 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) untuk memberi pengiktirafan dan meraikan seramai 173 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 41 orang pesara warga KPKT. Majlis telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta diiringi oleh YBhg. Dato' Seri arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT.

Penganugerahan dan keraian ini adalah salah satu tanda pengiktirafan Kerajaan kepada anggota perkhidmatan awam KPKT yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang, sumbangan berterusan serta jasa yang telah ditabur selama ini. Diharap dengan anugerah dan pengiktirafan ini, penjawat KPKT akan berasa dihargai, disayangi dan seterusnya dapat menjadi penyuntik semangat untuk bekerja dengan lebih gigih, lebih fokus dan lebih komited kepada tugas yang diamanahkan.

Dalam ucapan YB Menteri menegaskan bahawa majlis ini membuktikan bahawa modal insan berprestasi tinggi sentiasa diberi penekanan di KPKT, malah dalam seluruh pentadbiran awam Negara ini. Melalui pembelajaran dan latihan berkualiti yang berterusan, modal insan berpengetahuan, berkemahiran tinggi, kreatif, inovatif dan berdaya saing akan dapat dihasilkan. Oleh hal yang demikian, sektor Kerajaan memerlukan kepada sinergi yang meraikan kepelbagaian pemikiran, menyatukan aneka kemahiran serta menghimpunkan kerencaman pengalaman, untuk akhirnya memfokus kepada hasil yang cemerlang



Salam Perpisahan dan Selamat Bersara diucapkan kepada YBhg. Datuk Noriah Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPKT yang telah bersara pada 12 Jun 2014.

YBhg. Datuk Noriah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam selama 36 tahun 10 bulan 26 hari. Beliau mula berkhidmat di KPKT mulai 1 Jun 2006 selaku Pengarah Bahagian Kewangan KPKT dan setahun kemudian beliau dilantik menjadi Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPKT.

Sepanjang tempoh 8 tahun 11 hari YBhg. Datuk Noriah berkhidmat di KPKT, banyak jasa yang telah beliau sumbangkan dalam menjadikan KPKT sebagai salah satu Kementerian bertaraf 5 bintang.

Kami mewakili seluruh warga KPKT ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas segala budi, pengorbanan dan jasa YBhg. Datuk. Doa kami agar YBhg. Datuk terus diberikan kesihatan yang baik, umur yang panjang dan rezeki yang berkat.



PENGANUGERAHAN PANGKAT TIMBALAN PESURUHJAYA BOMBA KEHORMAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KEPADA YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI

Pada 30 April 2014 bertempat di Pejabat YAB Timbalan Perdana Menteri telah berlangsung Majlis Penganugerahan Pangkat Timbalan Pesuruhjaya Bomba Kehormat kepada YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin yang telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Penganugerahan ini adalah sebagai menghargai jasa dan sumbangan yang telah diberikan oleh YAB TPM kepada JBPM serta sempena Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2014 yang disempurnakan oleh YAB Tan Sri.

Turut hadir ialah YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak.



LARIAN BERSAMA BOMBA KALI KE XII



Pada 11 Mei 2014 bertempat di Dataran Merdeka Kuala Lumpur, JBPM telah mengadakan Larian Bersama Bomba kali ke XII sempena Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia Tahun 2014. Turut serta ialah Datuk Abdul Rahman Dahlan Menteri KPKT, Datuk Seri Arpah Abdul Razak KSU KPKT, YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim Ketua Pengarah JBPM, Pengurusan Tertinggi KPKT, Pengurusan Tertinggi JBPM, warga JBPM, orang ramai dan para pengunjung.



Mess Nite Tahun 2014 telah diadakan di Hotel Marriot Putrajaya pada 5 Mei 2014. Tetamu kehormat dalam majlis tersebut YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Majlis yang diadakan berlangsung dengan penuh istiadat bermula pada pukul 8.00 malam dengan perarakan masuk tetamu kehormat yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi Kementerian dan Jabatan. Majlis diteruskan dengan nyanyian Lagu Negaraku dan YB Menteri KPKT mengucapkan "Selamat Maju Jaya" kepada JBPM



Segmen seterusnya ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim menyampaikan ucapan dan diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada YB Menteri KPKT. Majlis tersebut diiringi dengan persembahan oleh Pasukan Kombo JBPM.

Turut hadir di majlis tersebut ialah YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT; YAS Dato' Mahadi Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi); YAS Dato' Haji Amer Haji. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan); Penolong-Penolong Ketua Pengarah Bahagian; Pengarah-Pengarah Bomba Negeri; dan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan bersama-sama isteri.



TPM RAI SAMBUTAN HARI ANGGOTA BOMBA SEDUNIA 2014

YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah menyempurnakan Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2014 (*World Fire Fighters' Day 2014*) di Dataran Merdeka Kuala Lumpur pada 4 Mei 2014. Tema sempena sambutan tersebut ialah "Inovatif dan Integriti Pemacu Transformasi" selaras dengan hasrat jabatan yang memerlukan warga yang boleh "berfikir" di luar kotak pemikiran biasa (*think out of the box*) dan mencari jalan yang terbaik untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan atau kelemahan yang ada.

Majlis pada pagi tersebut turut dihadiri oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YB Datuk Halimah Mohamed Sadique; Timbalan Menteri; YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha

KPKT; YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; YAS Dato' Mahadi Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi); YAS Dato' Haji Amer Haji Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan); YBrs. Dr Dahlia Rosly, Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, wakil-wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan, pegawai kanan JBPM, pegawai kanan KPKT serta orang ramai.

Dalam ucapannya, YAB Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2014 pada kali ni akan memberi suntikan semangat yang lebih tinggi lagi kepada seluruh warga JBPM dan seluruh keluarga besar bomba untuk mencurahkan bakti dengan lebih cekal dan penuh dedikasi lagi kepada rakyat khususnya mereka yang ditimpa kecemasan.



PILI BOMBA TEMAN ANDA



LAWATAN MESRA YB MENTERI KPKT

Berikutan insiden seorang anggota bomba maut dan seorang cedera parah akibat dirempuh oleh lori 3 tan bermuatan batu pada 21 Jun 2014 yang lepas, YB Menteri KPKT, Datuk Abdul Rahman Dahlan mengambil inisiatif melawat anggota dan keluarga yang terlibat pada 26 Jun 2014 di Pontian, Johor. Rombongan YB Datuk turut disertai oleh YS Penolong Ketua Pengarah Operasi JBPM, Dato' Soiman Jahid, Pengarah JBPM Negeri Johor, Dato' Ab. Ghani Daud serta Pegawai Kanan KPKT dan JBPM.

Beliau disambut baik seluruh ahli keluarga PB Suboh dan masyarakat setempat. YB Menteri juga diberi penerangan berkenaan kejadian tersebut serta melihat kecederaan yang dialami oleh PB Suboh akibat daripada kemalangan tersebut. YB Menteri seterusnya berkunjung ke rumah Allahyarham PB Mohd. Taufik Ali untuk bertemu keluarganya dan menyampaikan rasa simpati beliau di atas pemergian PB Mohd Taufik Ali. Dalam pertemuan yang singkat itu, YB Menteri dan rombongan turut menyampaikan sumbangan peribadi masing-masing kepada PB Suboh dan keluarga PB Taufik.

1 TIPS KESELAMATAN KEBAKARAN DI RUMAH

1 JERANKAN DAPUR MASAKAN SERONGGANG KUDANG-NITA 3 KAKI DARI OROK KIBERHAPIRAN



2 SAUHKAN LILIN DARI DUA SAHAN MUDAH TERBARAK DAN KANAK-KANAK. JANGAN BIARKAN LILIN BERNYALA TANPA PENGAWASAN



3 JANGAN SERTAKAN DI TEMPAT TIDUR DALAM KEADAAN MABUK, KHAYAL ATAU MENGANTUK



4 GUNAKAN TEMPAT HABUK ROKOK YANG BESAR DAN BERBAT. PASTIKAN PUNTING ROKOK DIPADAMKAN SEPENUHNYA SEBELUM DITUANG



5 JANGAN MANCIS DAN PEMETIK API DI TEMPAT TINGGILAN AT DAN TIDAK BOLEH DICAPAI OLEH KANAK-KANAK



6 SENTIASA MEMERIKSA PENYAMBUNG DAN SALURAN PAIP LPG




7 JANGAN BIARKAN KANAK-KANAK ATAU BINYANG PELIHARAAN BERHAJI BERTAHAPAN DAPUR YANG SEDANG DIGUNAKAN



8 JANGAN GEMUKAN PENYAMBUNGAN YANG BELEBIHAN SAMA SATU PLUG



9 PERIKSA PENDAWAIAH ELEKTRIK DARI MASA KE MASA UNTUK MENGENAL PASIR DAN MENGATASI KEDOSAKAN



10 GUNAKAN LINGKARAN NYAMUK DAN BEKAS YANG SELAMAT JAUHKAN DARI DUA BAHAN MUDAH TERBARAK ATAU KANAK-KANAK



HARGAI KELUARGA YANG TERSAYANG

JABATAN TENAGA DAN PENYELAMAT MALAYSIA